

Qalam

Majalah Bulanan Melayu Terbit Tiap-tiap Awal Bulan Masihi

Bilangan 4 – November 1950 – Senaskah 50 sen.

LEMBAGA BAHASA MELAYU

Di dalam suatu mesyuarat yang dianjurkan oleh suatu jawatankuasa sementara yang ditubuhkan oleh persekutuan guru-guru Melayu Singapura yang telah diadakan di rumah persekutuan Kota Raja di Kampung Gelam pada 1 Oktober 1950 Lembaga Bahasa Melayu telah ditubuhkan dengan undang-undangnya telah disahkan. Doktor Burhanuddin Al-Helmi telah dilantik menjadi Yang Dipertuan, sidang setiausahanya Cikgu Mahmud bin Ahmad.

Tujuan Lembaga Bahasa ini ialah kerana “Mengawal, Memperbaiki, Memperluas, Memperkaya, Mempertinggi dan Menghidupkan bahasa Melayu, supaya menjadi suatu bahasa yang hidup”. Juga dirancangan supaya menyesuaikan penggunaan bahasa Melayu mengikut kehendak dan peredaran masa. Serta berikhtiar mengadakan perpustakaan (khotbah khajah) menerbitkan risalah-risalah, buku-buku, majalah-majalah dan lain-lainya.

Kita dengan tulusnya menyambut dan mengucapkan tahniah ke atas usaha mendirikan Lembaga Bahasa Melayu itu dengan berharap dengan sepenuh-penuh harapan mudah-mudahan segala usahanya akan berjaya dan berkesan dengan memberi banyak faedah kepada orang-orang Melayu dan diiktiraf oleh orang-orang Melayu sebagai suatu usaha dan ikhtiyar untuk membina kedudukan bahasa mereka yang dari satu masa kesatu masa telah banyak yang menjadi campur aduk – jalan bahasanya tidak sempurna sedang cara-cara mengemukakan kalimah-kalimah itu tidak lagi dikawal

mengikut elok dan moleknnya susun bahasa Melayu yang asal.

Menurut pendapat kita bahawa langkah-langkah menaja Lembaga Bahasa Melayu itu tidaklah sama sekali merombak jalan bahasa Melayu yang ditaja oleh ahli-ahlinya pada masa yang lampau tetapi tujuan lembaga itu kita berharap ialah menyusun perkataan-perkataan baharu yang tiada di dalam bahasa Melayu pada masa yang lalu iaitu perkataan-perkataan “teknik” yang tiada di dalam bahasa Melayu.

Usaha meluaskan atau mengayakan bahasa Melayu itu, jika kita tidak khilaf, telah pun dijalankan semenjak daripada tahun 1939 di Singapura ini iaitu di antara wartawan-wartawan Melayu dan ahli-ahli bahasa Melayu yang dianjurkan oleh pihak Warta Malaya dan disokong oleh pihak Utusan Melayu, masa itu, yang terbukti di dalamnya berkumpul wartawan-wartawan daripada kedua-dua akhbar ini berserta dengan ahli-ahli bahasa Melayu seperti Za’ba, Leftenan Haji Musa bin Yusof, Dato’ Haji Muhammad Sa’id daripada pembesar Diraja Johor serta lain-lain ahli bahasa untuk “mereka” perkataan baharu sehingga daripadanya timbullah perkataan-perkataan tetuag udara, kapal perang penjajah dan sebagainya. Semua keputusan-keputusannya yang dirundingkan mereka disiarkan di dalam akhbar meminta supaya orang ramai membahaskan perkataan-perkataan itu tetapi hanya sedikit sangat orang yang memberi fikirannya tentang perkataan-perkataan itu.

Usaha itu sebenarnya sangat besar faedahnya dan sepatutnya yang demikian itu hendaklah diperhati dan diselidiki serta dihalusi semula oleh Lembaga Bahasa Melayu yang baharu dengan tidak membuang atau meniatkan usaha-usaha yang telah dibuat oleh orang-orang yang dahulu. Itu sebab jika usaha-usaha mereka dibuang dan tidak digalakkan dengan orang-orang sekarang mereka pula perkataan-perkataan baharu sebagai gantinya maka sampai bila masa jua pun bahasa itu tidak akan sempurna kerana orang yang kemudian daripada kita tidak pula mahu mengiktiraf kepada usaha yang telah kita usaha sekarang ini, iaitu sebagaimana juga kita tidak mengiktiraf usaha orang yang lebih dahulu daripada kita.

Kita wajib menyedari bahawa bahasa itu ialah hak orang ramai. Orang ramai itu adalah berhak menetapkan sesuatu perkataan yang akan digunakan – perlembagaan itu hanyalah dicadangkan untuk menyusunnya jua. Jika orang ramai telah menetapkan supaya sepele perkataan itu mesti digunakan maka perlembagaan itu hendaklah mengiktirafnya. Umpamanya, sebagaimana telah direka pada masa dahulu bahawa perkataan “radio” itu hendaklah diganti dengan “tetuang udara”. Perkataan “tetuang udara” itu telah digunakan beberapa lamanya dengan ikhtiar-ikhtiar supaya orang ramai menyetujuinya tetapi orang ramai tidak mengikutnya dan perkataan radio itu akhirnya tetap digunakan dengan tidak diubah daripada perkataan asalnya kerana mereka lebih suka kepada perkataan itu dan perkataan itu digunakan hingga hari ini.

Demikian juga dengan perkataan “jamban tarik”. Dahulu telah direka perkataan itu mengikut kehendak-kehendak dan maknanya seperti “jamban bomba” dan sebagainya tetapi kerana telah lazim maka yang tetapnya ialah “jamban tarik” juga. Demikianlah perkataan-perkataan basikal, elektrik, tank dan sebagainya yang semuanya telah pun menjadi lidah bahasa kepada orang-orang Melayu.

Di sebalik itu, tiap-tiap ahli-ahli bahasa itu, menurut fikiran kita janganlah semata-mata menghadapkan pilihan perkataan itu hala ke Barat dan kepada bahasa Sanskrit sahaja tetapi mereka hendaklah pula memerhati kepada perkataan-perkataan Arab yang lebih mudah dan lebih hampir yang telah banyak digunakan dijadikan bahasa Melayu seperti akal, arif dan sebagainya itu yang demikian, itu adalah lebih mudah dan telah pun diakui mustahaknya oleh ahli-ahli bahasa. Penganjur Indonesia yang terkenal, Tun Melaka, telah pernah menulis berkenaan dengan ini demikian katanya:

“Bahasa Arab terus sampai sekarang saya “anggap” (pandang) sempurna kaya, merdu jitu dan mulia. Pengaruhnya pada bahasa Indonesia pada zaman lampau bukan sedikit.

Cangkukkan bahasa Arab pada bahasa Indonesia baik diteruskan kerana lebih “cocok” (sesuai) pada lidah kita, asal betul-betul mengadakan pengertian baru yang tiada terbentuk pada kata-kata Indonesia umum atau, “*local*” seperti perkataan akal fikir dan sebagainya”.

Fikiran yang tersebut ini ialah suatu fikiran yang saksama tentang memilih perkataan-perkataan yang patut digunakan di dalam bahasa Melayu. Kita letakkan fikiran itu oleh kerana memandangi ada sebahagian pihak yang nampaknya semata-mata memandangi ke sebelah Barat sahaja dan sebahagiannya kepada bahasa Sanskrit (Hindu Tua) sahaja dan telah memandangi bahawa perkataan-perkataan yang di ambil daripada bahasa Arab itu ialah perkataan-perkataan yang telah usang – tidak sesuai lagi digunakan sekarang.

Semolek-moleknya tatkala hendak meluaskan atau menambah perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu itu hendaklah diambil daripada semua pihak, kemudian dihalusi dan setelah itu baharulah diambil sesuatu keputusan supaya dapat disesuaikan dengan perasaan dan kehendak orang-orang Melayu. Tetapi sementara pun begitu, janganlah hendaknya menolak atau membelakangkan sama sekali kepada usaha orang-orang kita yang telah lalu. Usaha-usaha mereka itu wajib dihargakan - jauh sekali daripada dicela dengan berbagai-bagai kata mengatakan ini telah usang; tidak sesuai dengan kehendak zaman dan sebagainya – tetapi sebagai ganti daripada perkataan atau cara-cara yang dijajah itu mereka-mereka yang berpendapatan sedemikian ini belum mendapat seperti yang telah dibuat dan diusahakan mereka dahulu itu bahkan sambutan orang-orang Melayu am yang berhak memikirkan bahasa itu hampir-hampir tidak sama sekali menghargakannya.

Oleh itu kita berharap Lembaga Bahasa Melayu ini dapat bertugas merancangkan semua perkara-perkara yang terkandung di dalam undang-undangnya dengan tidak sama sekali meninggalkan atau membuang terus kepada usaha-usaha orang-orang yang lebih dahulu daripadanya.